SAMPEL PERCUMA

Trial STPM 2023 Pengajian Am Semester 2 Kedah + Skema

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

BAHAGIAN A (15 markah)

Jawab **semua** *soalan. Tulis jawapan dalam ruangan yang disediakan.*

1. Nyatakan **tiga** hasrat yang ingin dicapai melalui pelaksanaan Rukun Negara. [3]

   a) _____

   b) _____

   c) _____

2. Nyatakan **empat** objektif pelaksanaan Dasar Kebersihan Negara. [4]

   a) _____

   b) _____

   c) _____

   d) _____

3. **Dasar Keusahawanan Nasional dirangka untuk menetapkan hala tuju strategik yang menyeluruh bagi membangunkan ekosistem keusahawanan di Malaysia**

   Nyatakan **empat** ciri yang harus ada di Malaysia untuk membangunkan ekosistem tersebut. [4]

   a) _____

   b) _____

   c) _____

   d) _____

4. Huraikan **dua** cabaran dalam usaha membangunkan tenaga hidroelektrik di Malaysia. [4]

   a) _____

   _____

   b) _____

   _____

BAHAGIAN B (20 markah)

Jawab **satu** *soalan sahaja dalam bahagian ini. jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf.*

5. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan **jumlah penduduk** mengikut jantina dan daerah terpilih di Negeri Kedah pada tahun 2000 dan tahun 2019. [20]

Berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2001, kebanyakan daerah di Negeri Kedah mencatatkan jumlah penduduk perempuan melebihi penduduk lelaki. Namun begitu, keadaan telah berubah sebaliknya bagi dapatan Bancian Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.

Penduduk perempuan di enam daerah terpilih di Negeri Kedah berjumlah 580.5 ribu orang pada tahun 2000, melebihi 10.3 ribu orang berbanding dengan penduduk lelaki yang berjumlah 570.2 ribu orang. Pada tahun 2019, jumlah penduduk perempuan meningkat kepada 762.2 ribu orang berbanding dengan penduduk lelaki yang bertambah kepada 770.3 ribu orang.

Di daerah Baling, penduduk lelaki berjumlah 61.8 ribu orang, kurang 1.2 ribu berbanding dengan jumlah penduduk perempuan pada tahun 2000. Jumlah penduduk di daerah ini meningkat kepada 156.4 ribu orang pada tahun 2019 dengan 50.45% daripadanya ialah jumlah penduduk lelaki.

Daerah Kota Setar mempunyai jumlah penduduk sebanyak 354.5 ribu orang pada tahun 2000, dengan penduduk lelakinya berjumlah 176.3 ribu orang, kurang sebanyak 1.9 ribu orang berbanding dengan jumlah penduduk perempuan. Penduduk lelaki di daerah ini meningkat kepada 209.1 ribu orang pada tahun 2019, lebih sebanyak 0.4 ribu orang berbanding dengan jumlah penduduk perempuan yang bertambah kepada 208.7 ribu orang.

Daerah yang mencatatkan jumlah penduduk terbesar di Kedah pada tahun 2019 ialah daerah Kuala Muda. Jumlah penduduk di daerah ini pada tahun 2000 ialah 339.9 ribu orang, 169.6 ribu orang ialah penduduk perempuan, dan jumlah penduduk lelaki pula 170.3 ribu orang. Pada tahun 2019, jumlah penduduk di daerah ini meningkat kepada 521.2 ribu orang dengan jumlah penduduk lelaki meningkat kepada 265.7 ribu orang, dan jumlah penduduk perempuan pula meningkat kepada 255.5 ribu orang.

Daerah Padang Terap mencatat jumlah penduduk yang terendah bagi kedua-dua tahun. Pada tahun 2000, jumlah penduduk lelaki ialah 27.7 ribu orang, kurang 0.4 ribu orang daripada jumlah penduduk perempuan. Pada tahun 2019 pula, penduduk lelaki mencatat jumlah 37.2 ribu orang, lebih sebanyak 1.4 ribu orang daripada penduduk perempuan yang berjumlah 35.8 ribu orang.

Pada tahun 2000, jumlah penduduk lelaki dan perempuan di daerah Pendang masing-masing ialah 44.5 ribu orang dan 45.3 ribu orang, meningkat kepada 55.2 ribu orang dan 54.7 ribu orang pada tahun 2019.

Satu-satunya daerah yang mencatatkan jumlah penduduk perempuan melebihi jumlah penduduk lelaki pada kedua-dua tahun ialah daerah Kubang Pasu. Jumlah penduduk lelaki di daerah ini ialah 89.6 ribu orang pada tahun 2000, dan 124.2 ribu orang pada tahun 2019, manakala jumlah penduduk perempuan pula ialah 96.3 ribu orang pada tahun 2000 dan 130.0 ribu orang pada tahun 2019.

(Disesuaikan daripada Buku Tahunan Perangkaan
2004 dan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia
2020, Jabatan Perangkaan Malaysia)

6. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan **nilai dagangan** eksport dan import mengikut komoditi pertanian terpilih dari tahun 2019 hingga tahun 2021. [20]

Malaysia masih bergantung kepada pengimportan hasil pertanian, terutamanya bahan makanan, bagi memenuhi keperluan domestik kerana pengeluaran hasil pertanian negara tidak mencapai kadar sara hidup atau *self-sfficiency rate* (SSR). Dalam masa yang sama eksport kebanyakan keluaran pertanian negara kekal jauh lebih rendah berbanding dengan import. Keadaan ini mendorong berlakunya imbangan perdagangan (BoT) pertanian terus mencatatkan defisit.

Nilai dagangan eksport beras negara menunjukkan peningkatan, namun nilainya jauh lebih rendah berbanding dengan nilai import. Eksport beras pada tahun 2019 ialah RM0.05 juta, meningkat pada tahun 2020 dan tahun 2021 masing-masing kepada RM0.10 juta dan RM0.16 juta juta. Nilai import beras pada tahun 2019 ialah RM1.87 juta, meningkat dengan agak ketara sebanyak 32.09% pada tahun 2020, namun menurun kepada RM2.38 juta pada tahun 2021.

Dagangan kelapa turut mengalami defisit apabila nilai importnya jauh lebih tinggi berbanding dengan nilai eksportnya. Nilai import kelapa mencatatkan peningkatan 43.48% dari tahun 2019 hingga tahun 2021, iaitu daripada RM0.23 juta kepada RM0.33 juta, manakala nilai import kelapa pada tahun 2020 kurang sebanyak RM0.01 juta berbanding dengan tahun 2021. Nilai eksport kelapa ialah RM0.07 juta pada tahun 2020, iaitu meningkat sebanyak RM0.01 juta dari tahun 2019, tetapi kurang sebanyak RM0.01 juta berbanding dengan tahun 2021.

Dagangan florikultur negara agak berbeza kerana terus mencatatkan lebihan dagangan bagi tiga tahun berturut-turut. Nilai eksport florikultur sebanyak RM0.51 juta pada tahun 2019, RM0.40 juta pada tahun 2020 dan RM0.42 juta pada tahun 2021 berbanding dengan nilai importnya masing-masing sebanyak RM0.04 juta, RM0.03 juta dan RM0.04 juta.

Kerajaan sememangnya terus berhasrat untuk mengurangkan peratusan barangan import, terutamanya hasil pertanian, dalam usaha untuk mengelakkan kebergantungan negara terhadap produk luar.

(Disesuaikan daripada Booklet Statistik Tanaman,
Jabatan Pertanian Malaysia, 2022)

BAHAGIAN A (15 markah)

Jawab **semua** *soalan. Tulis jawapan dalam ruangan yang disediakan.*

1. Nyatakan **tiga** hasrat yang ingin dicapai melalui pelaksanaan Rukun Negara. [3]

Bil	Isi/ idea
i	Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat.
ii	Mencipta satu cara hidup demokratik
iii	Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara dapat dinikmati secara adil dan saksama
iv	Membentuk satu sikap yang liberal terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak
v	Membina sebuah masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

2. Nyatakan **empat** objektif pelaksanaan Dasar Kebersihan Negara. [4]

Bil	Isi/ idea
i	Meningkatkan kesedaran dan membudayakan amalan kebersihan dalam kalangan masyarakat.
ii	Meningkatkan kebersihan/ kelestarian persekitaran
iii	Menggalakkan inisiatif sisa sebagai sumber pendapatan ke arah ekonomi kitaran
iv	Memperkasa tadbir urus pengurusan sisa pepejal
v	Memperkasa penguatkuasa undang-undang agar lebih cekap, berkesan dan berintegriti

3. **Dasar Keusahawanan Nasional dirangka untuk menetapkan hala tuju strategik yang menyeluruh bagi membangunkan ekosistem keusahawanan di Malaysia**

Nyatakan **empat** ciri yang harus ada di Malaysia untuk membangunkan ekosistem tersebut. [4]

Bil	Isi/ idea
i	Bakat berkemahiran tinggi
ii	Dipacu inovasi
iii	Ekonomi kolaboratif
iv	Komuniti keusahawanan
v	Tadbir urus yang baik
vi	Diterajui pasaran
vii	Pembangunan mapan

4. Huraikan **dua** cabaran dalam usaha membangunkan tenaga hidroelektrik di Malaysia. [4]

Bil	Isi/ idea	Huraian
i	Keadaan geografi yang terhad	• Teknologi ini memerlukan tempat yang tinggi, arus sungai yang baik serta mencukupi.
ii	Karenah birokrasi	• Memerlukan kelulusan dari kerajaan negeri untuk meluluskan pembinaan projek ini.
iii	Sukar mendapat pembiayaan/ pinjaman	• Sukar mendapat pembiayaan dari syarikat kewangan kerana kurangnya pakar berkaitan kajian risiko dan faedah industri ini.

BAHAGIAN B (20 markah)

Jawab **satu** *soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf*

5. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan **jumlah penduduk** mengikut jantina dan daerah terpilih di Negeri Kedah pada tahun 2000 dan tahun 2019. [20]

Berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2001, kebanyakan daerah di Negeri Kedah mencatatkan jumlah penduduk perempuan melebihi penduduk lelaki. Namun begitu, keadaan telah berubah sebaliknya bagi dapatan Bancian Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.

Penduduk perempuan di enam daerah terpilih di Negeri Kedah berjumlah 580.5 ribu orang pada tahun 2000, melebihi 10.3 ribu orang berbanding dengan penduduk lelaki yang berjumlah 570.2 ribu orang. Pada tahun 2019, jumlah penduduk perempuan meningkat kepada 762.2 ribu orang berbanding dengan penduduk lelaki yang bertambah kepada 770.3 ribu orang.

Di daerah Baling, penduduk lelaki berjumlah 61.8 ribu orang, kurang 1.2 ribu berbanding dengan jumlah penduduk perempuan pada tahun 2000. Jumlah penduduk di daerah ini meningkat kepada 156.4 ribu orang pada tahun 2019 dengan 50.45% daripadanya ialah jumlah penduduk lelaki.

Daerah Kota Setar mempunyai jumlah penduduk sebanyak 354.5 ribu orang pada tahun 2000, dengan penduduk lelakinya berjumlah 176.3 ribu orang, kurang sebanyak 1.9 ribu orang berbanding dengan jumlah penduduk perempuan. Penduduk lelaki di daerah ini meningkat kepada 209.1 ribu orang pada tahun 2019, lebih sebanyak 0.4 ribu orang berbanding dengan jumlah penduduk perempuan yang bertambah kepada 208.7 ribu orang.

Daerah yang mencatatkan jumlah penduduk terbesar di Kedah pada tahun 2019 ialah daerah Kuala Muda. Jumlah penduduk di daerah ini pada tahun 2000 ialah 339.9 ribu orang, 169.6 ribu orang ialah penduduk perempuan, dan jumlah penduduk lelaki pula 170.3 ribu orang. Pada tahun 2019, jumlah penduduk di daerah ini meningkat kepada 521.2 ribu orang dengan jumlah penduduk lelaki meningkat kepada 265.7 ribu orang, dan jumlah penduduk perempuan pula meningkat kepada 255.5 ribu orang.

Daerah Padang Terap mencatat jumlah penduduk yang terendah bagi kedua-dua tahun. Pada tahun 2000, jumlah penduduk lelaki ialah 27.7 ribu orang, kurang 0.4 ribu orang daripada jumlah penduduk perempuan. Pada tahun 2019 pula, penduduk lelaki mencatat jumlah 37.2 ribu orang, lebih sebanyak 1.4 ribu orang daripada penduduk perempuan yang berjumlah 35.8 ribu orang.

Pada tahun 2000, jumlah penduduk lelaki dan perempuan di daerah Pendang masing-masing ialah 44.5 ribu orang dan 45.3 ribu orang, meningkat kepada 55.2 ribu orang dan 54.7 ribu orang pada tahun 2019.

Satu-satunya daerah yang mencatatkan jumlah penduduk perempuan melebihi jumlah penduduk lelaki pada kedua-dua tahun ialah daerah Kubang Pasu. Jumlah penduduk lelaki di daerah ini ialah 89.6 ribu orang pada tahun 2000, dan 124.2 ribu orang pada tahun 2019, manakala jumlah penduduk perempuan pula ialah 96.3 ribu orang pada tahun 2000 dan 130.0 ribu orang pada tahun 2019.

(Disesuaikan daripada Buku Tahunan Perangkaan
2004 dan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia
2020, Jabatan Perangkaan Malaysia)

SKEMA JAWAPAN : GRAF PIRAMID KOMPONEN

NEGERI KEDAH : JUMLAH PENDUDUK MENGIKUT JANTINA DAN DAERAH TERPILIH PADA TAHUN 2000 DAN TAHUN 2019

Jantina / Daerah	Jumlah penduduk (ribu orang)					
	Tahun 2000			Tahun 2019		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Baling	61.8	63.0	**124.8**	78.9	77.5	**156.4**
Kota Setar	176.3	178.2	**354.5**	209.1	208.7	**417.8**
Kuala Muda	170.3	169.6	**339.9**	265.7	255.5	**521.2**
Padang Terap	27.7	28.1	**55.8**	37.2	35.8	**73.0**
Pendang	44.5	45.3	**89.8**	55.2	54.7	**109.9**
Kubang Pasu	89.6	96.3	**185.9**	124.2	130.0	**254.2**
Jumlah	**570.2**	**580.5**		**770.3**	**762.2**	

(Disesuaikan daripada Buku Tahunan Perangkaan 2004 dan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020, Jabatan Perangkaan Malaysia)

BAHAGIAN C [*25 markah*]

SOALAN 7

Pembelajaran digital telah menjadi satu keperluan dalam transformasi pendidikan negara. Jelaskan. [25]

Format : 5 + 0

Kombinasi Idea : K1 Keperluan pembelajaran digital dalam transformasi pendidikan negara

Cadangan Jawapan :

Pendahuluan

Pembelajaran digital dalam transformasi pendidikan negara ialah satu kaedah pendekatan pendidikan yang mengaplikasi teknologi digital dalam pengajaran dan pembelajaran.

Bil	Isi / Idea	Huraian
Bahagian A : Keperluan Pembelajaran Digital Dalam Transformasi Pendidikan Negara		
1	Mempelbagai cara pembelajaran	• Pelbagai aplikasi boleh menjadi pilihan murid untuk menambah ilmu pengetahuan. • Segala maklumat dalam talian ini boleh diakses oleh murid-murid pada bila-bila masa.
2	Meningkatkan kemahiran teknologi murid	• Pelbagai peranti elektronik dapat digunakan oleh murid. • Meningkatkan kemahiran murid menggunakan aplikasi dan kaedah mencari maklumat.
3	Memudahkan pembelajaran interaktif	• Hal ini mewujudkan proses komunikasi yang berkesan. • Murid boleh dinilai dan ditaksir dengan menyeluruh hanya melalui aplikasi dalam talian ini.
4	Menggalakkan pembelajaran kendiri	• Aplikasi digital yang mesra pengguna memudahkan murid untuk mengeksplorasi perkara baharu melalui enjin carian. • Murid-murid dapat menambah ilmu dan berminat untuk terus belajar.
5	Membolehkan pembelajaran jarak jauh/ tanpa batasan	• Penggunaan digital mampu mewujudkan pendidikan tanpa sempadan dalam kalangan murid. • Proses menimba ilmu yang terbuka luas.
6	Memudahkan perkongsian ilmu antara murid/ guru	• Perkongsian ilmu dapat diperluas. • Bahan bantu belajar yang dihasilkan boleh dimuat naik ke aplikasi digital supaya bermanfaat kepada murid.
7	Mengurangkan keciciran murid dalam pembelajaran	• Murid dapat meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran apabila semua murid dapat mengikuti pembelajaran. • Murid boleh mengikut pembelajaran walau di mana sahaja dan dapat menjimatkan masa serta kos.
8	Menghasilkan proses pembelajaran lebih berkesan/ menarik	• Murid lebih bermotivasi untuk belajar dengan menggunakan pelbagai peranti elektronik. • Penggunaan pautan video, gambar dan animasi lebih menarik perhatian murid untuk belajar.

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar